

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI  
[ BUKIT BENDERA ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan nazir sekolah yang bertugas dalam Jabatan Nazir Sekolah, serta bilangan sekolah yang diperiksa dalam setahun.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) telah menetapkan dasar untuk memastikan setiap sekolah diperiksa pada setiap lat tempoh 5 tahun. Bilangan Nazir Sekolah adalah seramai 393 orang (2012), 435 orang (2013) dan 425 orang (2014) termasuk di ibu pejabat dan di JNJK negeri. Jumlah Nazir Sekolah yang agak kecil ini menyebabkan terdapat sebilangan sekolah daripada 10,159 buah dengan murid seramai 5.1 juta orang tidak dapat diperiksa pada setiap lat 5 tahun.